JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 42,
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)
10000 Pulau Pinang

Tel : 604 - 255 5500 - 507 (8 Talian)
Faks : 604 - 255 5577
Email : pneg_png@anm.gov.my
Laman Web :
https://penang.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM PG. 500/1 JLD.1 (1)
Tarikh : 16 Mei 2025

KETUA-KETUA JABATAN PERSEKUTUAN
NEGERI PULAU PINANG
KETUA-KETUA PUSAT PEMBAYAR GAJI

YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)/ PUSAT PEMBAYAR GAJI (*PAY CENTRE* - PC) DALAM PROSES PEMBAYARAN EMOLUMEN BAGI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan, Jadual Pembayaran Gaji 2025 telah dikeluarkan bagi memastikan pembayaran gaji dapat dilakukan pada tarikh yang telah ditetapkan (rujuk pengumuman Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang bertarikh 7 Januari 2025). Walau bagaimanapun, terdapat isu lewat menerima gaji oleh pegawai lantikan baharu.

3. Sehubungan itu, merujuk Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 1 Tahun 2020 (Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan-Lampiran A:Garis Panduan Bayaran Emolumen Pegawai Awam persekutuan) para 3.1.2 Tanggungjawab PTJ/PC;

(1) Bahagian/Unit Sumber Manusia di PTJ/PC tempat pegawai baharu ditugaskan hendaklah memastikan pegawai lantikan baharu tersebut mengemukakan semua dokumen sokongan yang lengkap seperti di **Lampiran A4** dalam tempoh **dua (2) hari bekerja** dari tarikh melapor diri di tempat bertugas (penempatan) bagi keperluan pembayaran gaji dan mengelakkan kelewatan proses bayaran gaji.

(2) Bahagian/Unit sumber Manusia hendaklah menyediakan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew.8-Pin.10/96) dan Penyata Mengenai peribadi, Perkhidmatan dan Gaji (PR.JPA 2-Pin. 1/96) **Lampiran A3** dan menyerahkan dokumen sokongan kepada Bahagian/Unit kewangan dalam tempoh **lima (5) hari bekerja** dari dokumen lengkap diterima dari pegawai melapor diri.

4. Adalah menjadi tanggungjawab PTJ untuk memastikan pembayaran gaji dibuat dalam bulan lantikan atau bulan berikutnya. Oleh itu, mulai gaji bulan Jun 2025, sekiranya terdapat isu berkaitan kelewatan pembayaran gaji, surat tunjuk sebab akan dikeluarkan kepada PTJ yang berkenaan.

Sekian,terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
" Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

(AZNI BINTI ABD. HAMID C.A.(M), ACMA, CGMA)
Ketua Seksyen Operasi
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pulau Pinang